



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
12 FEBRUARI 2019 (SELASA)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|--|----|
| - Penjawat Awam wajar hadam etka murni | 62 |
|--|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|---|----|
| - Penjawat Awam Keselamatan Tidak perlu dikurangkan | 10 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
08 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

Akhbar	BERITA HARIAN
Tajuk Berita	Penjawat Awam wajar hadam etika murni
Muka Surat	62

Penjawat awam wajar hadam etika murni

BH 12/01/19 n1662

Slogan 'Kepemimpinan Melalui Teladan' yang diasaskan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menerapkan nilai amanah dan etika murni dalam kalangan kawitangan awam dan masyarakat amnya.

Pemimpin dan pegawai kerajaan yang menghayati slogan itu akan bekerja keras untuk menunaikan amanah kepada negara.

Slogan itu diasaskan ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada 1981 hingga 2003 dan kembali menjadi popular apabila beliau kembali menjadi Perdana Menteri, Mei tahun lalu.

Aku janji

Cogan kata itu menjadi popular kepada semua rakyat Malaysia kerana ia suatu aku janji oleh pemimpin politik dan pegawai kerajaan kepada rakyat.

Isu seperti pemimpin memiliki ijazah dari institusi yang tidak diiktiraf agensi awam tidak berlaku sekiranya mereka berpegang kepada nilai murni 'Kepimpinan Melalui Teladan'.

Pemimpin mesti menunjukkan integriti yang tinggi yang melambangkan ketokohan mereka hingga disanjung oleh rakyat.

Orang ramai pula mesti mengelakkan diri menipu kelulusan untuk memohon pekerjaan sektor kerajaan dan swasta atau mereka akan diheret ke mahkamah serta dibuang kerja.

Saya juga yakin sekiranya slogan 'Kepimpinan Melalui Teladan' dihayati, tidak berlaku tindakan pemimpin atau ketua jabatan melantik anak, menantu, saudara-mara dan kroninya untuk mengisi kekosongan jawatan dalam organisasi mereka.

Syed Abdullah Syed Osman,
Ampangan, Seremban.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
08 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)**

Akhbar	UTUSAN MALAYSIA
Tajuk Berita	Penjawat Awam Keselamatan Tidak perlu dikurangkan
Muka Surat	10

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 12 FEBRUARI 2019

Penjawat awam keselamatan tidak perlu dikurangkan

JOHOR BAHRU 11 Feb. - Kerajaan tidak boleh berkompromi dalam soal keselamatan negara sekali gus langkah pengurangan penjawat awam terutama membabitkan sektor itu perlu dikaji semula.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azis Jamman berkata, langkah pengurangan itu dikhawatir akan menjaskan keselamatan negara terutama membabitkan pintu masuk dan keluar negara.

"Saya faham kerajaan umum tentang pengurangan penjawat awam tetapi saya harap kalau boleh ikut pandangan untuk sektor keselamatan ia perlu dikaji kerana faktor keselamatan tidak boleh dikompromi."

"Kalau anggota keselamatan kurang ia akan jejas keselama-

tan negara, sektor lain tak apa tapi tak sepertinya termasuk kakitangan keselamatan sebab kita memang ada kekurangan anggota," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini hari ini.

Azis berkata, perkara tersebut akan dibangkitkan di peringkat kementerian sebelum Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin membentangkan masalah itu ke Cabinet bagi tindakan selanjutnya.

"Kita minta dari sudut keselamatan pengurangan kakitangan awam itu tidak dimasukkan kerana ia sektor penting seperti di sini sahaja bayangan kita punya persempadanan terlalu besar nak mengawal sempadan bukan kerja mudah," katanya.